

Bangi**Terap trend
berniaga dalam
talian sejak muda**

Trend berniaga online atau dalam talian perlu diperluaskan kepada segenap generasi termasuk golongan remaja bagi membolehkan budaya keusahawanan diterapkan sejak peringkat awal lagi.

Presiden E-USahawan Wanita Malaysia (EWA Malaysia) Prof Datin Dr Norizan Abdul Razak berkata, biarpun modal mungkin menjadi kekangan bagi golongan terbabit untuk memulakan perniagaan, namun sebaiknya mereka yang berminat boleh berjinak-jinak sebagai ejen produk.

Katanya, buat masa ini EWA Malaysia yang diwujudkan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) turut mempunyai ahli terdiri daripada usahawan pelajar dalam kampus universiti terbabit.

“Kita amat menggalakkan golongan remaja menyertai perniagaan dalam talian memandangkan peluang yang ada begitu luas. Perniagaan dalam talian ini boleh dilakukan tanpa menggunakan modal besar,” katanya.